



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JTW 211/JTW 212/JTW 213 – Perakaunan Pengurusan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

SOALAN 1 [25 markah]

Maklumat kos pengeluaran untuk produk makanan jenama Topchoice diberikan seperti berikut. Semua kos dimasukkan secara seragam pada sepanjang proses pengeluaran.

Tarikh	Butiran
30 Jun 20XX	<p>Terdapat 20 000 unit produk yang mempunyai peratusan siap sebanyak 75%. Kos yang telah dilibatkan untuk unit berkenaan ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan langsung RM50 000 • Buruh langsung RM9 000 • Overhed RM3 500
Sepanjang bulan Julai 20XX	<p>Dalam tempoh ini, sebanyak 80 000 unit produk dapat siap sepenuhnya. Kos pengeluaran yang ditanggung sepanjang bulan Julai ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahan langsung RM100 000 • Buruh langsung RM25 000 • Overhed RM10 000
31 Julai 20XX	<p>Semakan pada tarikh ini mendapati terdapat 25 000 unit Kerja Dalam Proses. Setiap unit telah siap sebanyak 50%.</p>

- (a) Berdasarkan maklumat di atas, tentukan:
- (i) unit setara untuk bahan langsung, buruh langsung dan overhed (5 markah)
 - (ii) kos seunit setara (5 markah)
 - (iii) kos dipindah keluar (5 markah)
 - (iv) kos inventori akhir Kerja Dalam Proses (5 markah)
- (b) Huraikan kepentingan konsep 'kos setara' dalam pengurusan kos pengeluaran. (5 markah)

SOALAN 2 [25 markah]

Perniagaan Mee Rebus Mat Yess mempunyai dua menu iaitu mi rebus ekstra dan mi rebus cilik. Selaku pemilik, En. Dann sedang dalam proses menyusun semula perniagaan beliau. Antara keputusan yang perlu dibuat ialah memutuskan bilangan unit yang perlu dijual untuk setiap menu bagi mendapat untung perniagaan yang maksimun. Maklumat kewangan bulan Julai adalah seperti berikut.

Menu	Harga jualan seunit (RM)	Kos berubah seunit (RM)	Jumlah kos tetap (RM)
Mi rebus ekstra	10	4	12 000
Mi rebus cilik	6	2	

- (a) Anda dikehendaki menasihati En Dann dalam menentukan kombinasi menu yang paling menguntungkan antara dua pilihan ini.
Kombinasi 1: 100 unit mi rebus ekstra dan 80 mi rebus cilik.
Kombinasi 2: 85 unit mi rebus ekstra dan 110 unit mi rebus cilik.
(20 markah)
- (b) En Dann berhasrat meningkatkan harga jualan salah satu menu hidangan yang ditawarkan. Berikan nasihat kepada En Dann tentang menu yang lebih sesuai untuk dinaikkan harga.
(5 markah)

SOALAN 3 [25 markah]

Maklumat berikut merupakan asas yang akan digunakan oleh Perniagaan Nusantara untuk menyediakan belanjawan tahun 20X8. Perniagaan Nusantara menawarkan produk kraftangan kelas premium dari rantau Asia Tenggara untuk pasaran antarabangsa.

- (i) Baki tunai pada 31 Disember 20X7 ialah RM100 000.
- (ii) Purata unit jualan sebulan untuk tahun 20X8 ialah 300 unit. Tambahan 40% untuk jualan bulan Januari dan Disember. Penurunan 15% untuk jualan bulan April hingga Jun.
- (iii) Harga jualan ialah RM200 seunit.
- (iv) Jualan dilakukan secara tunai dan kredit mengikut anggaran : 30% secara tunai, 70% secara kredit.
- (v) Kutipan dari jualan kredit akan diperolehi dalam bulan selepas jualan.
- (vi) Rekod jualan pada November dan Disember 20X7 ialah RM50 000 setiap bulan. Harga jualan untuk tahun 20X7 dan 20X8 adalah sama.

- (vii) Kos belian seunit ialah RM80. Jangkaan unit dibeli ialah 5% lebih tinggi berbanding sasaran angka jualan. Pada sepanjang tahun, belian dilakukan setiap 2 bulan bermula bulan Januari 20X8 untuk sasaran jualan bulan Januari dan Februari.
- (viii) Semua belian kredit dibayar dalam tempoh tiga bulan iaitu 10% dibayar pada bulan dibeli, 50% dibayar pada bulan ke-2 dan bakinya dalam bulan ke-3. Semua belian kredit tahun 20X7 telah dijelaskan.
- (ix) Kos pentadbiran berikut dijelaskan pada setiap bulan.

Gaji pekerja	RM29 550
Utiliti	RM5 300
Sewa	RM4 400
Promosi	RM2 800

SEDIAKAN;

- (a) Belanjawan jualan, belanjawan belian dan belanjawan tunai secara bulanan untuk suku pertama tahun 20X8. (12 markah)
- (b) Belanjawan jualan dan belanjawan belian sukuan untuk tahun 20X8. (8 markah)
- (c) Cadangan **LIMA (5)** strategi yang dapat meningkatkan keberkesanan belanjawan. (5 markah)

SOALAN 4 [25 markah]

Anda ditugaskan membangunkan sistem pengukuran prestasi yang berkesan untuk sebuah hotel. Bagi menyelesaikan tugas tersebut, jelaskan:

- (a) Langkah pembuatan keputusan sistematik yang akan dilakukan. (5 markah)
- (b) Ciri-ciri sistem pengukuran prestasi yang akan dibangunkan. (10 markah)
- (c) Intipati **DUA (2)** sistem pengukuran prestasi yang akan anda rujuk atau dijadikan asas. (10 markah)